



MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE



Jumlah bayaran	\$52,016.86
Tempoh penginapan	79 hari
Subsidi pemerintah (80%)	\$42,018.48
Jumlah bil selepas subsidi	\$9,998.38
Medifund yang dibayar (100%)	\$9,998.38
Jumlah yang dibayar dengan wang tunai	\$0

Medifund selamatkan nyawa anak perempuan saya

Bagi seorang ibu yang berusaha dengan susah payah untuk menyara hidup, Medifund membantu membayar bil perubatan jangka panjang untuk anak perempuannya

Cik Huang Lizhen hanya berusia 13 tahun apabila sakit peningnya, keletihan yang amat sangat dan kurang selera makan mengubah hidupnya selama-lamanya.

Remaja tersebut dikesan menghidap penyakit systemic lupus erythematosus atau ringkasnya, penyakit lupus yang membuat sistem imun atau daya ketahanan tubuhnya menyerang sel-sel dan tisu-tisu tubuhnya sendiri. Beliau sentiasa berasa sakit dan turut menghidapi jangkitan pada saluran kencingnya. Tubuh badannya terjejas teruk disebabkan penyakitnya.

Beliau menerima satu lagi pukulan apabila mengalami radang pada saraf tunjangnya disebabkan penyakit yang dikenali sebagai transverse myelitis. Pada mulanya beliau bertopang tetapi kini beliau berkerusi roda.

Disebabkan tiada pilihan, remaja tersebut menghentikan pelajarannya semasa beliau masih menuntut di Menengah 4. Kini, berumur 20 tahun, Cik Huang, sejak tujuh tahun lalu mengunjungi Hospital Tan Tock Seng untuk rawatannya – hampir sekerap remaja lain yang pergi ke sekolah.

Kata ibunya, Cik Foo Choo, 54 tahun dalam Mandarin: "Dia sentiasa terkena jangkitan dan sentiasa perlu pergi ke hospital. Dia juga telah banyak kali berada dalam unit jagaan rapi (ICU)." Akibatnya, keluarganya dibebani bil-bil perubatan besar yang datang dengan tidak henti-henti.

Daripada rawatan di hospital hingga ke ubat-ubatan, perbelanjaan perubatan untuk Cik Huang semakin meningkat dan ini termasuklah keperluan memanggil ambulans untuk membawanya ke hospital kerana beliau tidak berupaya berjalan. Ibunya juga tidak cukup kuat untuk mengangkutnya naik turun flat tingkat lima tiga biliknya di Tampines.

Cik Huang tidak mempunyai Medisave kerana beliau tidak berupaya bekerja disebabkan penyakitnya. Bapanya telah meninggal dunia akibat penyakit jantung pada sekitar masa beliau dikesan menghidap penyakit lupus, dan ibunya yang turut menyara kedua-dua kakaknya terpaksa berhenti kerja sebagai pembantu penjaja untuk menjaga keperluannya.

Apa sahaja simpanan Medisave yang dikumpulkan oleh Cik Foo selama bertahun-tahun habis dengan cepat untuk rawatan anak perempuannya. Mujurlah, bagi para pesakit yang memerlukan, bantuan diberikan dalam bentuk Medifund.

Medifund, sebuah jaringan keselamatan kewangan bagi sesiapa sahaja rakyat Singapura yang benar-benar menghadapi kesukaran untuk membayar bil-bil perubatan mereka, memastikan bahawa tiada sesiapa pun akan dihalang menerima rawatan yang termampu.

Kata Cik Foo: "Kami tidak mempunyai wang. Untuk kehidupan seharian, kami terpaksa bergantung kepada bantuan wang daripada majlis pembangunan masyarakat (CDC). Tanpa sebarang bantuan daripada Medifund, pasti Lizhen hanya menanti waktu untuk meninggal dunia. Sudah tentu kami tidak mampu membayar rawatan perubatan ini."

Medifund telah membantu membayar sebahagian besar bil-bil perubatan Cik Huang sejak 2002.

Baru-baru ini, beliau menjalani dua pembedahan untuk mengeluarkan cecair daripada otaknyanya dan telah menetap dalam wad Kelas C di

Hospital Tan Tock Seng dari Oktober hingga Disember tahun lalu.

Jumlah bilnya mencecah \$52,000. Meskipun subsidi murah hati di wad Kelas C telah mengurangkan bilnya kepada sekitar \$10,000, Cik Huang dan keluarganya masih tidak mampu membayar bil tersebut.

Mujurlah, Medifund menampung 100 peratus bil selepas subsidi tersebut.

Kata Cik Foo: "Dia tidak akan hidup hari ini tanpa bantuan Pemerintah. Kami amat berterima kasih kerana dibantu Medifund."

Walaupun Cik Huang hanya mengingati sedikit tentang peristiwa yang membuatnya bertaring dengan penyakitnya, kesannya masih kekal – pendengarannya rosak pada sebelah telinga dan beliau hilang penglihatan pada sebelah mata.

Cik Huang yang bersuara lembut berkata: "Saya berasa lebih baik sekarang, walaupun saya tidak ingat banyak perkara kerana saya berada dalam koma. Saya diberitahu saya turut mengalami sawan."

"Apabila saya sedar, saya sudah pun menjalani pembedahan kedua untuk mengeluarkan cecair daripada otak saya untuk dimasukkan ke dalam perut saya. Medifund membantu saya 100 peratus."

Medifund memberi bantuan kepada para pesakit seperti Cik Huang dan menghilangkan kebimbangan terhadap bil-bil hospital.

Dalam 2007, Pemerintah telah memberikan geran Medifund sebanyak \$50.3 juta kepada hospital-hospital dan pertubuhan kebajikan sukarela (VWO) untuk membantu para pesakit yang memerlukan.

Tahun ini, Pemerintah menyalurkan \$200 juta lagi ke dalam Medifund dan ini membuat jumlahnya meningkat kepada \$1.6 bilion. Dalam 2006, sekitar 98 peratus daripada permohonan Medifund diluluskan.

Rakyat Singapura yang memerlukan boleh memohon Medifund menerusi pekerja perubatan sosial di semua hospital awam.

Dia tidak akan hidup hari ini tanpa bantuan Pemerintah. Kami amat berterima kasih kerana dibantu Medifund.

— CIK FOO CHOO, MENGENAI USAHA PEMERINTAH YANG MEMBAYAR BIL-BIL HOSPITAL ANAK PEREMPUANNYA, CIK HUANG LIZHEN, MENERUSI MEDIFUND.

